

Newspaper	Berita Harian
Date	15/10/2012

Najib, Aquino bincang pemantau antarabangsa

BH - 15/10/2012

» Guna badan diplomatik pastikan semua butir perjanjian dipatuhi

dikekalkan, manakala pembangunan sosio ekonomi berupaya dilaksanakan," katanya.

Beliau ditemui ketika tiba di sini bersama rombongan Perdana Menteri bagi menyaksikan majlis menandatangani kerangka perjanjian berkenaan. Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Ketika ini, IMT mempunyai kekuatan 60 anggota, membabitkan 26 wakil Malaysia dan selebihnya dari Indonesia, Brunei, Jepun, Libya, Norway serta Kesatuan Eropah (EU). Malaysia menghantar pasukan pemantau di Mindanao sejak 2004 dengan Panglima Angkatan Tentera sekarang, Jeneral Tan Sri Zulkifli Mohd Zain sebagai komander pertamanya.

Zahid berkata, IMT pasca kerangka perjanjian damai tidak lagi bertumpu terhadap matlamat mengekalkan gencatan senjata, sebaliknya fokus selepas ini ialah memastikan bagaimana perjanjian itu dilaksanakan dan Malaysia berharap ia berlangsung seperti dirancang.

Malaysia optimis

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, berkata Malaysia optimis kerangka pelan damai yang dipersetujui akan mencapai matlamat seperti diharapkan menjelang 2016.

"Malaysia melihat perkembangan bersejarah ini amat signifikan dalam kedudukan kita sebagai perantara kerana keamanaan di selatan Filipina besar kesannya. Kita yakin Kerajaan Filipina dan kumpulan MILF akan menghormati segala butiran serta syarat yang dipersetujui.

"Jika wujud keperluan, mungkin mereka pinda atau perbaiki syarat kerangka perjanjian ini dari semasa ke semasa demi kepentingan bersama. Ini permulaan yang baik buat semua pihak terbabit," katanya.

Impak majlis bersejarah hari



Najib diiringi Jeneral Tentera Udara Filipina, Renato Lorenzo Sanchez sebaik tiba di Manila semalam untuk menyaksikan majlis menandatangani kerangka perjanjian pelan damai antara Kerajaan Filipina dan MILF.

(FOTO AFP)

VEENA
RUSLI

veena@bharian.com.my

Manila



Pertemuan empat mata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Filipina, Benigno Aquino III, di sini hari ini, antara lain bakal menentukan kedudukan pasukan pemantau antarabangsa (IMT) di Mindanao.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata wujud keperluan untuk merangkumi pasukan diplomatik peringkat atas bagi memantau pelaksanaan kerangka pelan damai dipersetujui kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), hari ini.

"IMT sedia ada akan dikaji peranannya, manakala (pengisian) mungkin bergantung kepada perbincangan kedua-dua pemimpin esok (hari ini). Kita harus memiliki tahap pemantauan berbeza yang bukan saja menggunakan tentera tetapi turut membabitkan badan diplomatik bagi memastikan semua butir perjanjian dipatuhi sepenuhnya.

"Selepas perjanjian ini, IMT akan mempunyai peranan berbeza. Fokus kita lebih cenderung dalam memastikan keamanan Bangsamoro di Mindanao dapat



Wanita Muslim membawa kain rentang menyokong usaha damai Kerajaan Filipina-MILF ketika berarak di People Power Monument di Manila, semalam.

(FOTO AFP)

ini turut dikongsi Sabah selaku jiran terdekat menerusi kehadiran Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman bersama lima Ahli Parlimen, iaitu Datuk Abdul Rahman Dahlan (Kota Belud), Datuk Bung Moktar Radin (Kinabatangan), Datuk Ghapur Salleh (Ka-

labakan), Datuk Marcus Mojigoh (Putatan) dan Datuk Raime Ungi (Tenom).

Hampiri kemuncak

Momentum kemeriahan menyambut pelan damai semakin menghampiri kemuncaknya menerusi kehadiran rombongan penyokong yang menaiki 'karavan keamanan' dari Mindanao. Rombongan 10 karavan itu bergerak sebagai tanda perpaduan dan penyatuan, dilapor bertolak dari Mindanao Jumaat lalu sebelum tiba di sini tengah hari semalam.

Antara yang menyertainya ialah penduduk Wilayah Autonomi Muslim Mindanao (ARMM) dan beberapa persatuan masyarakat di Mindanao. Tinjauan BH mendapati kumpulan berkenaan bermalam di Jambatan Mendiola berhampiran Istana Malacanang dalam suasana berpesta sementara menanti detik bersejarah hari ini.

Beberapa individu dipercayai pemimpin persatuan silih berganti membuat ucapan dalam bahasa tempatan sambil disambut sorakan gemuruh hadirin.